

EK

ECONEWS

FIRMA JEPUN DIGESA JALIN KERJASAMA DENGAN PEMBEKAL TEMPATAN

(I)

SHAH ALAM, 22 Feb (Bernama) - Syarikat-syarikat Jepun yang beroperasi di Malaysia harus memperolehi komponen-komponen daripada pembekal tempatan dan mewujudkan rangkaian para pembekal di sini bagi mengurangkan kos, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata syarikat-syarikat Jepun harus bekerjasama dengan para pengusaha Malaysia memajukan barangan yang boleh memenuhi permintaan yang bernutu untuk tujuan pasaran eksport.

+Kerjasama ini boleh diteruskan bagi mengurangkan harga barangan dan tempoh penghantaran.+

+Walaupun usaha-usaha untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia telah dijalankan untuk beberapa waktu, tetapi tidak secara besar-besaran,+ katanya di pembukaan kilang Canon Opto (Malaysia) Sdn Bhd di sini, kilang pengeluaran pertama Canon Incorporation di Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun memuji langkah syarikat Jepun yang menghantar jurutera mereka bagi membantu pengusaha Malaysia untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran dan mutu.

+Tetapi syarikat Malaysia tidak berminat untuk melabur secara besar-besaran dalam pembelian jentera dan menjauhkan diri daripada mengambil risiko dalam pelaburan.+

+Syarikat-syarikat tempatan seharusnya mengambil kesempatan dari cadangan kerjasama oleh syarikat-syarikat Jepun,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah bahawa cadangan seumpamanya bagi kerjasama juga boleh dilaksanakan melalui usaha sama antara komponen-komponen Jepun dan pembekal-pembekal alat dan syarikat-syarikat Malaysia, di mana risikonya dikongsi dan pemindahan teknologi maju dalam bentuk yang lebih tersusun.

Di samping mengembangkan pembekal-pembekal tempatan, katanya cara-cara lain di mana syarikat-syarikat Jepun boleh mengintegrasikan diri ke dalam rangkaian perniagaan Malaysia ialah dengan terus mencuba mendapatkan punca bahan mentah dan input pertengahan seperti pemasangan kecil di negara ini dan mendirikan projek-projek yang lebih bersepadu di Malaysia.

Beliau juga berkata bahawa pertumbuhan pesat dan dinamisme ekonomi rantau ini adalah tidak dinafikan dengan Asia Tenggara sebagai sebahagian penting rantau Asia Timur yang mempunyai penduduk hampir dua bilion atau 37 peratus daripada penduduk dunia, dengan itu mewakili pasaran berpotensi yang besar.

+Syarikat-syarikat perniagaan Jepun di rantau ini akan menjadi semakin besar, dan adalah untuk jangka panjang dan kehadiran ini akan hanya berkembang dalam persekitaran politik dan ekonomi yang mantap,+ katanya.

+Malaysia menyediakan persekitaran seperti ini,+ katanya dan menambah bahawa negara ini mempunyai kestabilan politik, dasar-dasar ekonomi yang mantap dan infrastruktur yang baik, termasuk tenaga kerja yang terpelajar dan terlatih.

Beliau bagaimanapun berkata pembangunan dan latihan mengenai tenaga kerja seharusnya mengambil berat oleh syarikat mereka sendiri.

+Adalah harapan kerajaan supaya rakyat Malaysia memperolehi pendapatan yang lebih baik tanpa menjejaskan keuntungan syarikat.+

+Kerajaan akan berusaha menjamin pelabur di Malaysia tidak akan menyesal kerana membuat keputusan melabur di sini. Saya rasa Canon tidak menyesal,+ katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir menambah kepetingan Jepun di Malaysia telah meningkat beberapa tahun lalu, daripada 44 permohonan projek dengan penyertaan Jepun dalam tahun 1986, jumlah yang diterima tahun lalu meningkat kepada 229 atau lebih lima kali dari jumlah 1986.

Lebih membanggakan lagi ialah cadangan pelaburan modal yang meningkat daripada \$285 juta dalam tahun 1986 kepada \$6,738 juta dalam tahun 1990, lebih dari 23 kali jumlah 1986.

+Sementara kesemua angka dan jumlah itu menggalakan, lebih perhatian seharusnya diberi kepada projek perkilangan bermutu yang didirikan oleh para pelabur Jepun di Malaysia.+

+Pertumbuhan yang meningkat di antara golongan peniaga di rantau Asia Pasifik, terutamanya di antara negara Asean, ialah pemindahan teknologi.+

-- Bernama